

17 MAY 1997

KUMPULAN SOKONG BANTU KELUARGA KURANGI TEKANAN PENAGIH

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Kumpulan sokong bantu keluarga boleh memainkan peranan berkesan untuk mengurangkan tekanan dan masalah yang dihadapi oleh bekas penagih dadah, penghidap Aids dan keluarga mereka.

Presiden Majlis AIDS Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir berkata setakat ini perhatian hanya diberikan kepada individu terbabit tetapi masyarakat lupa bahawa keluarga penagih juga menerima tekanan.

"Keluarga mereka juga tidak boleh dilupakan dalam usaha menangani gejala ini," katanya ketika melancarkan kumpulan sokong bantu keluarga yang ditubuhkan oleh Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih) di sini hari ini.

Kumpulan itu bertujuan meningkatkan kefahaman mengenai gejala dadah dan HIV/Aids di kalangan keluarga terbabit serta masyarakat. Ia mengadakan perjumpaan dua atau tiga minggu sekali dan dikendalikan ahli profesional.

Presiden Pengasih Yunus Fathi Mohd berkata kewujudan kumpulan itu diharap akan menampilkan anggota keluarga yang berani ke depan sebagai model untuk secara bersama menangani maaslah itu.

Penyanyi dan pelakon, Awie yang turut hadir pada majlis pelancaran itu berkata kumpulan sokong bantu keluarga itu merupakan satu langkah yang baik untuk mengelak bekas penagih disisih masyarakat. -- BERNAMA

LH RON